



**KENYATAAN RASMI**  
**PENGANJURAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF**  
**POLITEKNIK KUCHING SARAWAK TAHUN 2023**

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) akan mengadakan Majlis Konvokesyen Komemoratif Ke-28 & Ke-29 pada tahun 2023 atas keprihatinan pihak pengurusan PKS bagi meraikan graduan-graduan yang tidak berkesempatan menghadiri Majlis Konvokesyen secara bersemuka pada tahun 2020 dan 2021 akibat Pandemik Covid-19.

Oleh itu, PKS dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Majlis Konvokesyen Komemoratif Politeknik Kuching Sarawak Tahun 2023 akan diadakan di **Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching Sarawak** seperti ketetapan di bawah:

<b>Butiran</b>	<b>Tarikh</b>
<b>Majlis Konvokesyen Komemoratif Ke-28 Tahun 2023</b>	<b>04 hingga 05 Mac 2023 (Sabtu &amp; Ahad)</b>
<b>Majlis Konvokesyen Komemoratif Ke-29 Tahun 2023</b>	<b>18 hingga 19 Mac 2023 (Sabtu &amp; Ahad)</b>

Graduan boleh melayari laman sesawang PKS e-Konvo di pautan <http://www.poliku.edu.my/e-konvokesyen/> bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Majlis Konvokesyen Komemoratif tersebut **mulai 27 Januari 2023 (Jumaat) jam 5.00 petang**.

PKS mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para graduan.

**Pengarah**  
**Politeknik Kuching Sarawak**  
**16 Januari 2023**